

26/07/1998

Melayu Hilang Keberanian? mengundang polemik

iewed by Tajuddin Saman

PERSOALAN Melayu sebenarnya dibicarakan sejak zaman sebelum merdeka hingga kini. Kalau sebelum merdeka, cerdik pandai sentiasa menumpukan perhatian kepada soal nasionalisme, sesudah itu fokus lebih ditumpukan kepada soal membangunkan kemunduran bangsa kesan penjajahan.

Secara umum, apa jua persoalan yang disuarakan cerdik pandai mengenai dunia Melayu sejak dulu hingga sekarang, berkait rapat dengan maruah bangsa yang sering tercabar.

Selepas hampir 40 tahun negara merdeka, suara perjuangan Melayu semakin sayup-sayup kedengaran, kecuali kalau lantang pun, ia lebih mirip kepada ekonomi sebagai agenda utama.

Beberapa persoalan lain seperti patriotisme bagaikan bukan agenda penting dan diberikan rangsangan sewajarnya hinggalah secara tidak langsung pada pertengahan dekad 90-an ini, timbul semula perbincangan mutakhir yang ada hubung kait dengan maruah Melayu.

Kali ini ia dicetuskan oleh seorang ahli korporat dan politik Melayu yang baru saja menyertai semula Kabinet, Tun Daim Zainuddin. Rencana beliau yang berjudul "Melayu Hilang Keberanian?" dalam Mingguan Malaysia pada 10 Mac 1996 mencetuskan polemik berpanjangan mengenai maruah Melayu.

Mungkin tidak semua yang berkesempatan membaca rencana itu kerana ia tersiar dalam akhbar yang terbit pada hari berkenaan saja. Bagaimanapun, dalam kesempatan yang terhad itu, kita bernasib baik kerana ada yang prihatin mengenai perjuangan dan maruah Melayu.

Beliau ialah A Karim Abdullah yang tanpa henti dan jemu merakamkan semula segala dokumentasi penting seperti polemik "Melayu Hilang Keberanian" ini dalam bentuk buku.

Sudah pasti dengan kehadiran buku ini, setiap daripada mereka yang prihatin kepada perjuangan bangsa berpeluang mendalami persoalan yang ditimbulkan oleh Daim itu.

Judul rencana itu tidak syak lagi menarik perhatian pelbagai pihak hingga akhirnya mengundang pemikiran yang berjela-jela daripada cerdik pandai lain untuk mengupas dan menyingkap pelbagai aspek mengenai keberanian Melayu memperjuangkan maruah di tanahair sendiri.

Mengikut A Karim, rencana Daim itu adalah ulasannya terhadap rencana Datuk Kadir Jasin yang berjudul "Suara Melayu, Umno dan Kerajaan" juga dalam Mingguan Malaysia (18 Februari 1996).

Sesudah rencana Daim tersiar, kira-kira 20 cerdik pandai berasa terpanggil mengupas rencana itu. Antara mereka termasuk Lanang Sejagat (Pandangan Daim Tentang Melayu); Jaafar Rahim (Surat Untuk Tun Daim Zainuddin); Bekas Pengarang Utusan Melayu, Datuk Zainuddin Maidin (Zam) (Daim Menangguk di Air Keruh); Rustam A Sani (Suara Berani, Suara Sumbang); Tokoh pembangkang, Subky Latif (Daim Lebih Berani Jika Miliki Akhbar Bebas).

Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk A Nazri Abdullah (Siapakah Intelektual Melayu?); Kassim Ahmad (Tidak Berani atau Berpuas Hati?); Ramli Simbok (Siapa Kata Melayu Hilang Berani).

Mohd Safar Hashim (Suara Melayu: Bola Di Kaki Akhbar); M Noor Azam (Tiada Lagi Suara Melayu?); Abu Bakar Hamid (Suara Cerdik Pandai Melayu Tidak Lagi Lantang); Syed Husin Ali (Tiupan Angin Perubahan?).

Menerusi suara cerdik pandai itu, lahirlah pelbagai dimensi pemikiran mengenai maruah bangsa yang selama ini bagaikan pelita kehabisan minyak. Satu daripadanya terbit daripada pemikiran tokoh wartawan, Tan Sri A Samad

Ismail yang menulis kata pengantar buku ini.

Satu daripada kenyataan A Samad mengenai keberanian Melayu yang saya kira berkesan dan patut menjadi titik menungan ialah: "Golongan cerdik pandai sebagaimana kebanyakan kita sekarang dipengaruhi juga oleh latar pendidikan, ideologi, fahaman dan kecenderungan politik masing-masing. Adakah wujud pengkritik yang bebas?"

Persoalan ini mencakup suatu dimensi yang boleh diperdebatkan lagi kerana berani itu menjadi satu faktor kepada perjuangan keadilan tetapi keberanian yang neutral itu mungkin mencakupi pelbagai maksud yang boleh diuraikan oleh cerdik pandai dengan lebih mendalam. Apakah perjuangan yang neutral itu dan benarkah ia wujud seperti dipersoalkan A Samad.

Secara keseluruhan, buku ini memang membentangkan wadah penting kepada perjuangan bangsa. A Karim memulakan mukadimah buku ini dengan puisi istimewa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: Perjuangan Yang Belum Selesai.

(END)